

dirancarkan lagi dengan pengumuman oleh YAB Perdana Menteri pada 24 Mac 2010 mengenai beberapa inisiatif baharu di bawah Inisiatif Jalur Lebar Negara (*National Broadband Initiative* - NBI).

Antara projek-projek yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- i. **Pembinaan menara telekomunikasi** - 700 menara telah dibina dengan liputan selular telah mencapai 97% dan liputan jalur lebar telah mencapai 84% di kawasan berpenduduk di seluruh Negara setakat Februari 2014;
- ii. **Pemberian Komputer 1 Malaysia** - lebih daripada sejuta Komputer 1 Malaysia telah diagihkan kepada pelajar yang kurang berkemampuan dan keluarga berpendapatan rendah di seluruh negara bagi meningkatkan penggunaan Internet;
- iii. **Pusat Internet 1 Malaysia (PI1M)** – lebih 400 PI1M telah dibangunkan dan beroperasi di seluruh Negara setakat Februari 2014;
- iv. **Kampung Tanpa Wayar (KTW)** - lebih 4,000 KTW telah dibangunkan di seluruh negara setakat Februari 2014; dan
- v. Perkhidmatan telefoni di seluruh negara termasuk di kawasan-kawasan yang kurang berdaya maju dari segi komersial serta di kawasan yang tidak memberi keuntungan kepada syarikat-syarikat pengendali telekomunikasi.